

Headline	Lancar RIR Taman Desa Idaman		
MediaTitle	Kosmo		
Date	17 Apr 2017	Color	Full Color
Section	Niaga	Circulation	197,202
Page No	51	Readership	875,000
Language	Malay	ArticleSize	284 cm ²
Journalist	MOHD.AZLI ADLAN	AdValue	RM 7,399
Frequency	Daily	PR Value	RM 22,196



SPNB tawar 229 unit kediaman dan rumah kedai dari harga RM68,000 seunit

Lancar RIR Taman Desa Idaman

Oleh MOHD. AZLI ADLAN

DUNGUN – Syarikat Perumahan Negara Bhd. (SPNB) melancarkan projek Rumah Idaman Rakyat (RIR) Taman Desa Idaman yang terletak di Kampung Santong, Paka dekat sini.

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan SPNB, Datuk Ahmad Azizi Ali berkata, projek berkenaan membabitkan pembinaan 229 unit kediaman dan rumah kedai bakal yang dijangka siap sepenuhnya pada Mei 2019.

“RIR Taman Desa Idaman merangkumi 70 unit rumah

teres setingkat, teres dua tingkat (60 unit) dan rumah berkembar (76 unit), di samping 23 unit rumah kedai,” katanya pada majlis pecah tanah

RIR Kampung Santong, Paka dekat sini semalam.

Turut hadir pada majlis yang disempurnakan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak itu ialah Menteri Besar Terengganu, Datuk Seri Ahmad Razif Abd. Rahman dan Ketua Pegawai Eksekutif SPNB Idaman Sdn. Bhd., Azrul Hisyam Munap.

Menurut Ahmad Azizi, projek pembangunan bercampur tersebut dibina di atas tapak

seluas 10.53 hektar berhampiran susur keluar Plaza Tol Paka, Lebuhraya Pantai Timur 2 dekat sini dan ditawarkan pada harga RM68,000 sehingga RM683,200 seunit.

“Sambutan yang diterima terhadap RIR Taman Desa Idaman amat memberangsangkan dengan 800 permohonan telah diterima setakat ini,” katanya.

Beliau memaklumkan, projek berkenaan akan menggunakan kaedah Sistem Binaan Berindustri (IBS).

Tambahnya, SPNB turut bercadang untuk membina lebih 2,000 unit RIR di Terengganu iaitu Kerteh, Kuala Nerus dan Hulu Terengganu pada masa hadapan.



NAJIB (tengah) menyempurnakan Majlis Pecah Tanah RIR Kampung Santong di Paka, Terengganu semalam.